

**TITAH**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI**  
**AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI**  
**WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA UPACARA SOVEREIGN'S PARADE**  
**PENGGAMBILAN KE ENAM BELAS**  
**SEKOLAH PEGAWAI KADET,**  
**AKADEMI PERTAHANAN**  
**ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

**PADA HARI KHAMIS**  
**08HB ZULHIJAH 1438**  
**31HB OGOS 2017**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala*, kerana dapat hadir bagi menyaksikan Upacara *Sovereign's Parade* Pengambilan Ke-16 Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada hari ini. Pertunjukan perbarisan yang penuh semangat telah mencerminkan betapa tebalnya sifat keperwiraan serta betapa kuatnya disiplin bagi setiap pegawai kadet yang diraikan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat, khasnya kepada 32 orang Pegawai Kadet yang telah berjaya mengharungi latihan intensif selama 52 minggu. Mereka ini Beta yakin, telah berjaya menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Kejayaan itu pula sudah tentu turut bersebab dari adanya sokongan padu para ibu bapa.

Upacara *Sovereign's Parade* pada kali ini adalah lebih bermakna, kerana ianya berlangsung dalam suasana menjelang Hari Raya 'Idil Adha, yang dikenali juga sebagai Hari Raya Korban. Ini memperkukuh lagi konsep dan objektif Sekolah Pegawai Kadet untuk melahirkan pegawai-pegawai yang benar-benar memahami dan mendalami erti pengorbanan. Pengorbanan yang dimaksudkan tidak lain ialah untuk ugama, bangsa dan negara tercinta.

Beta sukacita mengingatkan, bahawa semua pengorbanan tidak ada titik akhirnya. Ia berlaku selama hayat dikandung badan. Semangat rela berkorban, sama sekali tidak boleh padam. Kerana jika padam, maka lemahnya 'daya tahan' bangsa. Bayangkan, kalau 'daya tahan' ini lemah, maka apakah yang dapat dibuat lagi untuk memperkasa bangsa dan negara?

Kerana itu, sebagai langkah ke arah memperkasa 'daya tahan' tersebut, maka pembangunan strategik yang lebih teratur perlulah ditangani, serta juga latihan-latihan Pegawai Kadet hendaklah dipertingkatkan lagi.

Sehubungan ini, Beta telah pun memperkenalkan satu perubahan dasar baru bagi pengendalian latihan dan pengambilan Pegawai-Pegawai Kadet, dari dua sesi pengendalian kepada satu sesi pengendalian pada setiap tahun.

Ini akan lebih memberi fokus dalam usaha kita untuk meningkatkan lagi keberkesanan latihan.

Demikian juga, objektif dasar baru ini adalah dihasratkan untuk menambahkan lagi mutu latihan dan pendidikan, seperti yang dirancang.

Apapun rancangan atau langkah yang diambil, semuanya bertujuan untuk meningkatkan kualiti, khususnya bagi piawai latihan dan modul-modul pelajaran.

Ini turut menyangkut penerokaan peluang-peluang kerjasama dengan institusi-institusi latihan, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Dalam makna, semua ini boleh saja dilakukan, baik secara dalaman mahupun melalui penglibatan pusat-pusat latihan negara-negara lain, sebagai usaha menambah nilai yang diperlukan.

Akhir kata, Beta sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Khasnya, Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah Sekolah Pegawai Kadet, Pegawai-Pegawai dan *Colour Sergeants* serta semua jurulatih yang telah berusaha gigih dalam melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet sehingga ke peringkat ini.

Maka, dengan merafa'akan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* serta mengambil berkat kalimat *Bismillahir Rahman Rahim*, Beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 32 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16.